

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI (HULU
SELANGOR)**

SOALAN

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan maklumat secara terperinci apakah kriteria yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan kelulusan bagi permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah perkara 15A, berapakah jangka masa bagi proses untuk mendapatkan kelulusan tersebut dan berapa kelulusan yang diberi dari tempoh 2016 hingga 2020 untuk permohonan di kawasan Hulu Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan kewarganegaraan Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak, dan peraturan imigresen. Antara syarat-syarat yang perlu dipenuhi dalam mengemukakan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur bawah 21 tahun adalah seperti mana berikut:-

Permohonan Kategori Anak Tidak Sah Taraf

- a. Bapanya adalah warganegara Malaysia;
- b. Perkahwinan ibu bapa didaftarkan mengikut perundangan Negara; dan
- c. Terdapat bukti penjagaan dan keberadaan subjek di Persekutuan.

Permohonan Kategori Anak Penjaga

- a. Penjaga subjek dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- b. Penjaga mempunyai surat Perintah Jagaan Mahkamah (*Guardian Ad Litem*); dan
- c. Terdapat bukti penjagaan dan keberadaan subjek di Persekutuan.

Permohonan Kategori Anak Angkat

- a. Pengangkatan yang sah;
- b. Ibu atau bapa angkat adalah warganegara Malaysia;
- c. Perkahwinan ibu bapa angkat teratur; dan
- d. Terdapat bukti penjagaan dan keberadaan subjek di Persekutuan.

Dalam memastikan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan diproses dengan lebih sistematik dan berkesan, Kementerian telah menambahbaik Prosedur Pengendalian Standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dengan **tempoh pemprosesan yang lebih singkat** bagi **permohonan lengkap yang diterima mulai tahun 2020**. Penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2016 hingga 30 Jun 2020, sebanyak lima (5) Sijil Warganegara bagi permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan telah diluluskan dan diserahkan kepada pemohon di Pejabat JPN Hulu Selangor.